



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

## SIARAN MEDIA

### **17,125 WANITA BERJAYA DIBANTU MELALUI INISIATIF WANITA BANGKIT@KPWKM**

**KUALA TERENGGANU, 20 Mei** – YB Datuk Seri Rina Mohd Harun, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) merangkap Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Kebajikan Negara (YKN) hari ini telah merasmikan kursus bimbingan perniagaan bagi program MyKasih Kapital yang merupakan sebuah inisiatif di bawah **Program Wanita Bangkit@KWPKM** yang disertai oleh 200 peserta wanita dalam membantu mereka yang memerlukan terutamanya yang terkesan akibat pandemik COVID-19.

Kursus bimbingan ini adalah persediaan asas bagi golongan untuk mempersiapkan diri untuk mereka menceburi bidang keusahawanan. Antara bidang yang boleh diceburi bagi memulakan perniagaan seperti e-dagang, dropship, perniagaan kecil-kecilan yang bukan di bawah skim keusahawanan di Kementerian Keusahawanan, TEKUN dan Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM). Peserta MyKasih Kapital akan dinilai, dipantau dan akan mengikuti kursus-kursus bersesuaian bagi mempersiapkan diri dalam menceburi bidang perniagaan.

Objektif Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui inisiatif MyKasih Kapital adalah untuk memperkasa ekonomi kumpulan sasaran, meningkatkan taraf hidup mereka yang memerlukan bantuan segera kewangan melalui bantuan MyKasih Kapital. Pendekatan ini adalah untuk mengoptimumkan potensi individu berdasarkan kemahiran mereka agar tidak terus bergantung kepada bantuan kerajaan sepenuhnya. Dengan menjalani

kursus dan bimbingan dapat memberikan para peserta keyakinan serta dapat menempuhi cabaran dalam perniagaan.

YB Datuk Seri Rina memaklumkan bahawa program ini yang mensasarkan 2,000 orang wanita dapat menjana pendapatan melalui peluang pekerjaan dan keusahawanan bagi tempoh 100 Hari Aspirasi Keluarga Malaysia yang bermula 1 September 2021 sehingga kini **seramai 7,290** orang wanita berjaya dibantu untuk mendapat peluang menceburi bidang perniagaan secara kecil-kecilan/keusahawanan di dalam sektor informal dan juga tawaran pekerjaan dalam sektor formal.

Disamping itu program Keusahawanan Wanita Bangkit@KPWKM telah membimbing dan membangunkan **seramai 9,835** wanita melalui kursus-kursus keusahawanan dan bimbingan permulaan perniagaan melalui kolaborasi strategik pelbagai jabatan, agensi dan syarikat korporat. **Setakat ini program ini telah berjaya mengumpul seramai 17,125 usahawan wanita.**

“Ini merupakan usaha berterusan Kerajaan untuk memartabatkan golongan wanita dalam aspek sosio-ekonomi. Pihak NGO dan syarikat serta orang perseorangan adalah amat dialu-alukan untuk melaksanakan program-program bersesuaian untuk manfaat kumpulan sasar khususnya wanita. Diharapkan dengan adanya kerjasama ini, golongan yang terjejas akibat pandemik COVID-19 khususnya wanita dapat dibantu dan secara tidak langsung dapat menyumbang kepada perkembangan ekonomi negara” ujar YB Datuk Seri Rina semasa merasmikan Kursus Keusahawanan Wanita Bangkit@KPWKM di Kuala Terengganu hari ini.

Dalam perkembangan lain, Datuk Seri Rina juga turut menyarankan wanita menyertai Skwad Waja sebagai langkah mengurangkan pelbagai isu membelenggu wanita seperti keganasan rumahtangga, gangguan seksual, diskriminasi gender dan sebagainya. Skwad Waja merupakan inisiatif KPWKM untuk melindungi golongan yang sering menjadi mangsa keganasan terutama

wanita. Ia berperanan sebagai rujukan terdekat dalam masyarakat khususnya individu yang ingin mendapatkan maklumat mengenai isu-isu berkaitan keganasan atau yang memerlukan bantuan dari segi khidmat nasihat dan perlindungan. Inisiatif ini sekaligus dapat mewujudkan komuniti yang bermaklumat, prihatin dan peka terhadap persekitaran. Semua ahli akan dibimbing melalui Modul Skwad Waja yang dibangunkan oleh Jabatan Pembangunan Wanita dengan kerjasama Institusi Sosial Malaysia (ISM). **Sehingga 12 Mei 2022, seramai 141,308 orang telah mendaftar sebagai ahli Skwad Waja terdiri daripada 30,721 lelaki manakala 110,587 wanita.**

\*\*\*

**Disediakan oleh:**  
**Yayasan Kebajikan Negara**  
Aras 8, No. 55, Persiaran Perdana,  
Presint 4, 62100 Putrajaya.  
03-8323 2437/2420